From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM KUKUH SEBAGAI UNIVERSITI PILIHAN PELAJAR DAN MAJIKAN
Date: Tuesday, 15 September, 2026 2:56:08 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

15 SEPTEMBER 2026 / 3 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Mohd Fuad Hamid

UUM KUKUH SEBAGAI UNIVERSITI PILIHAN PELAJAR DAN MAJIKAN



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuhkan kedudukannya sebagai institusi pendidikan tinggi yang berdaya saing apabila merekodkan jumlah 29,030 pelajar, termasuk 3,609 pelajar pascasiswazah selain menerima pelajar antarabangsa dari pelbagai negara.

Perkembangan itu antara perkara yang diketengahkan Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed, hari ini menerusi sesi Bicara Naib Canselor Bersama Waris bersempena Minggu Suai Kenal (A261) Universiti Utara Malaysia bagi sesi 2026/2027 yang berlangsung pada 15 hingga 19 September 2026.

Dr. Ahmad Martadha berkata, kemasukan pelajar baharu UUM itu melibatkan 4,982 orang terdiri daripada 4,661 pelajar tempatan dan 321 pelajar antarabangsa, sekali gus memperlihatkan daya tarikan UUM sebagai destinasi pengajian tinggi yang turut mendapat perhatian pelajar luar negara.



Daripada jumlah tersebut, 3,399 merupakan pelajar perempuan (68 peratus) manakala 1,583 pelajar lelaki (32 peratus). UUM turut menerima 211 pelajar peringkat Sarjana Muda dari pelbagai negara, termasuk China, Bangladesh, Indonesia, Qatar, Thailand, Yaman, India, Somalia, Pakistan, Sudan, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Palestin dan beberapa negara lain.

Program perakaunan paling ramai pilihan

Dalam aspek pilihan program pengajian, Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian mencatatkan jumlah kemasukan tertinggi dengan 446 pelajar, diikuti Sarjana Muda Sains Ekonomi dengan Kepujian sebanyak 259 pelajar dan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian seramai 251 pelajar.

Angka itu menggambarkan kekuatan UUM dalam bidang pengurusan, perniagaan, ekonomi dan perakaunan, selaras dengan identiti universiti yang memberi penekanan terhadap bidang pengurusan dan perniagaan.



Dengan keseluruhan 25,421 pelajar peringkat Sarjana Muda dan 3,609 pelajar pascasiswazah, UUM kini mempunyai komuniti akademik yang besar serta semakin pelbagai dari segi latar belakang dan pengalaman.

Kebajikan pelajar terus diberi keutamaan

Dalam masa sama, UUM turut menekankan aspek kebajikan dan sokongan kepada pelajar, khususnya apabila sebahagian besar pelajarnya datang daripada keluarga B40.

Pendekatan itu diterjemahkan menerusi pelbagai bentuk bantuan kebajikan dan pendidikan, termasuk inisiatif UUM Kasih yang memberi sokongan kepada pelajar yang memerlukan.

Lebih signifikan, menerusi Program Ziarah Kasih MADANI Pelajar Baharu UUM, universiti turun padang menziarahi pelajar baharu dan keluarga mereka bagi mengenal pasti keadaan serta keperluan mereka.



Program yang dilaksanakan dari 28 Ogos hingga 14 September 2026 itu melibatkan kunjungan ke 96 buah rumah di seluruh Malaysia di mana pelajar yang dikenal pasti memerlukan bantuan turut menerima manfaat melalui dana Yuran Kebajikan serta sumbangan TH-IQRA di bawah kelolaan Pusat Zakat dan Wakaf UUM.

Graduan UUM terus mendapat tempat di pasaran pekerjaan

Kekuatan UUM turut terserlah menerusi aspek kebolehpasaran graduan apabila dapatan Talentbank Graduate Employability Index, yang melibatkan kajian terhadap 1,200 majikan di seluruh negara menunjukkan graduan UUM mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran pekerjaan.

Pembentangan turut memaparkan jaringan strategik UUM bersama pelbagai organisasi dan syarikat terkemuka, selain pengiktirafan majikan terhadap graduan universiti berkenaan dalam beberapa bidang termasuk logistik dan multimedia, perakaunan, pengurusan perniagaan serta pengurusan sumber manusia.



Reputasi UUM diperkukuh pencapaian ranking

Sementara itu, Dr. Ahmad Martadha berkata, pencapaian dalam pelbagai penarafan antarabangsa turut menjadi antara bukti perkembangan UUM sebagai universiti yang semakin dikenali di peringkat global.

Menurutnya, UUM mencatat kedudukan No. 1 dalam kalangan universiti Malaysia bagi bidang perakaunan dan kewangan, selain beberapa pencapaian dalam penarafan QS World University Rankings by Subject, Times Higher Education (THE) dan penarafan kelestarian.

Pencapaian berkenaan turut disokong pengiktirafan berkaitan pilihan majikan, termasuk kedudukan No. 1 dalam kalangan universiti awam Malaysia bagi Employer Choice, sekali gus memperlihatkan keyakinan industri terhadap kualiti graduan yang dilahirkan UUM.



Kemudahan lengkap sokong pengalaman pelajar

Dari segi prasarana, UUM mempunyai 238 ruang pengajaran yang terdiri daripada 160 bilik kuliah dan 78 dewan kuliah dengan kapasiti

keseluruhan 19,535 orang.

Selain kemudahan akademik, kampus Sintok turut menyediakan pelbagai kemudahan dan ruang aktiviti pelajar termasuk kolam renang, padang golf 18 lubang, padang go-kart, makmal, kemudahan memanah, pusat sukan, masjid, dewan, bistro serta laluan riadah.

Secara keseluruhannya, pembentangan Bicara Naib Canselor Bersama Waris memperlihatkan bahawa pengalaman pelajar UUM tidak hanya tertumpu kepada pencapaian akademik, sebaliknya turut merangkumi kebajikan, pembangunan sahsiah, pengalaman antarabangsa, kebolehpasaran graduan dan persekitaran kampus yang menyokong pembentukan pelajar secara menyeluruh.



Turut diadakan sesi soal jawab bersama waris di mana antara soalan dikemukakan berkaitan ilmu kecerdasan buatan (AI) dan keusahawanan untuk membantu pelajar di UUM, selain berkenaan program mobiliti.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Bakti Hasan Basri; Menjalankan Fungsi Pendaftar, Mohd Zulkifli Mohd Noor dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Muhammad Syahmi Iman Muhammad Rezal serta penjawat utama universiti.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.